



JABATAN KETUA MENTERI  
(BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA),  
(BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA),  
(BAHAGIAN KUALITI DAN AUDIT SUMBER MANUSIA),  
TINGKAT 10 & 11, WISMA BAPA MALAYSIA,  
PETRA JAYA,  
93502 KUCHING,  
SARAWAK.

Telefon Am : 082-441957  
Kawat : SUK KUCHING  
Teleks : HIDMAT MA70091  
Fax : 082-445618 & 448214 (HRM)  
082-449079 (HRD)

**SURAT PEKELILING**  
(Perj. Bil. No. 19 /1996)

DARIPADA : Setiausaha Kerajaan,  
Sarawak

KEPADA : Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Setiausaha Tetap  
Kementerian  
Semua Residen  
Semua Ketua Badan Berkanun  
Semua Ketua Kuasa Tempatan

PERKARA : Pingat Perkhidmatan Setia

s.k: Setiausaha Persekutuan

RUJ. KAMI : 5 /EO/1744/32/2

TARIKH : 24 .05.1996

1. Tujuan:

1.1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua anggota Perkhidmatan Awam Negeri/Perkhidmatan Awam Persekutuan/Badan Berkanun/Majlis Tempatan supaya mengemukakan perakuan untuk Pengurniaan Pingat Perkhidmatan Setia dengan menggunakan Borang Baru selaras dengan pelaksanaan Perintah Am 60(1) (2) (3) dan 200 Perintah-Perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri 1996 (Swk. L.N. 1/96).

2. Latar Belakang

2.1 Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa gelaran bagi Pingat Perkhidmatan Lama telah ditukar kepada Gelaran Baru iaitu Pingat Perkhidmatan Setia.

2.2 Pingat Perkhidmatan Setia boleh dikurniakan kepada Pegawai memegang perjawatan tetap yang telah berkhidmat selama Dua Puluh (20) tahun terus menerus atau Dua Puluh Lima (25) tahun perkhidmatan terkumpul yang memuaskan dengan Kerajaan tertakluk kepada Sijil Kelakuan Baik dan perkhidmatan yang memuaskan dikemukakan oleh Ketua Jabatan.

Pingat Perkhidmatan Setia boleh juga di kurniakan kepada pegawai yang memegang jawatan yang tidak berpencen seperti Temenggong, Pemanca, Penghulu Tua Kampung, Tuai Rumah dan Ketua Kaum.

2.3 Tempoh Perkhidmatan yang terus menerus dengan Badan Berkanun, Majlis Tempatan ataupun jika seorang pegawai dipindah dari perjawatan sementara, tempoh perkhidmatan lepas yang terus menerus boleh diambil kira untuk pertimbangan Pengurniaan Pingat Perkhidmatan Setia.

2.4 Seseorang pegawai itu tidak layak dikurniakan Pingat Perkhidmatan Setia sekiranya:-


- (a) Telah diberi pergerakan gaji statik bagi tempoh dua tahun atau lebih berturut-turut semasa dalam perkhidmatan
- (b) Telah diturunkan pangkat atas sebab tindakan disiplin semasa dalam perkhidmatan.
- (c) Pergerakan gaji telah ditahan bagi tempoh dua tahun berturut-turut kerana dikenakan tindakan disiplin selain daripada kegagalan untuk mendapat pengesahan dalam jawatan.

3. Sehubungan ini, saya ingin menarik perhatian Ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan kepada Perintah Am 200 Perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri 1996 (Swk.L.N.1/96) supaya mengemukakan kepada Setiausaha Kerajaan sebelum 31 Mac tiap-tiap tahun perakuan bagi calon-calon yang layak dipertimbangan untuk pengurniaan Pingat Perkhidmatan Setia.

4. Borang perakuan untuk Pengurniaan Perkhidmatan Lama yang sedia ada tidak sesuai digunakan lagi. Walau bagaimanapun mulai dari tarikh surat pekeliling ini semua perakuan untuk Pengurniaan Pingat Perkhidmatan Setia hendaklah menggunakan format baru seperti Lampiran 'A' dikepil bersama ini. Setiap Borang Perakuan untuk pengurniaan Pingat Perkhidmatan Setia hendaklah disertakan dengan Kenyataan Perkhidmatan.

5. Sekian, terima kasih.

“BERSATU BERUSAHA BERBAKTI”



(ABDUL RASHID BIN HAJI AZIZ)  
Pengarah Pengurusan Sumber Manusia  
b.p. Setiausaha Kerajaan,  
Sarawak